

PEKELILING NAIB CANSELOR

Bilangan 31 Tahun 2020

PEKELILING PENGURUSAN PROJEK PERUNDINGAN OLEH ANAK SYARIKAT MILIK PUENUH UiTM

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) berkenaan pengurusan semua projek perundingan UiTM bermula tahun 2021 diuruskan oleh UiTM TechnoVenture Sdn Bhd (UTVSB) iaitu anak syarikat milik penuh UiTM.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) ke-176 pada 18 November 2020 telah mengesahkan keputusan Mesyuarat LPU ke-175 yang diadakan pada 15 September 2020 iaitu meluluskan pengambilalihan UiTM Innovation Sdn Bhd (UISB) daripada UiTM Holdings sebagai syarikat milikan penuh UiTM yang menjadi 'private wing' kepada BITCOM.
- 2.2 Penjenamaan UISB telah dipersetujui dan diluluskan di Mesyuarat Lembaga Pengarah UISB pada 23 November 2020 kepada UiTM TechnoVenture Sdn Bhd (UTVSB).
- 2.3 UTVSB sebagai entiti rasmi UiTM bagi menguruskan setiap aktiviti perundingan, pengkomersialan dan pemindahan teknologi di UiTM yang merangkumi aspek perundungan, kelulusan, pemantauan perjanjian dan juga pengurusan kewangan, serta pelaburan strategik.

3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 Semua projek perundingan bermula **1 Januari 2021** wajib didaftarkan dan diuruskan sepenuhnya oleh UTVSB.
- 3.2 Projek perundingan yang diuruskan oleh UTVSB masih diambil kira sebagai pencapaian UiTM kerana UTVSB adalah entiti rasmi kepada UiTM.

- 3.3 Projek perundingan sedia ada bagi UiTM Shah Alam dan UiTM Cawangan Selangor yang didaftarkan sehingga 31 Disember 2020 masih diuruskan oleh Unit Perundingan, BITCOM, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) dan semua transaksi kewangan untuk projek sedia ada diuruskan mengikut tatacara Bendahari UiTM.
- 3.4 Bagi projek perundingan sedia ada di UiTM cawangan lain-lain (selain daripada UiTM Cawangan Selangor) diuruskan di bawah Pejabat Timbalan Rektor (Penyelidikan dan Inovasi) dan semua transaksi kewangan untuk projek sedia ada diuruskan mengikut tatacara Bendahari UiTM.
- 3.5 Projek perundingan di UiTM cawangan lain-lain dibenarkan untuk diuruskan oleh Pejabat Timbalan Rektor (Penyelidikan dan Inovasi) hanya semasa tempoh peralihan. Selepas tamat tempoh tersebut, semua projek perundingan akan diuruskan oleh UTVSB secara berperingkat.

4.0 TARIKH DIKELUARKAN

Pekeliling ini dikeluarkan pada 22 Disember 2020.

5.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa bermula **1 Januari 2021**.

6.0 PEMAKAIAN

Pekeliling ini terpakai untuk pendaftaran dan pengurusan projek perundingan di seluruh sistem Universiti Teknologi MARA.



PROFESOR EMERITUS DATUK IR. DR. MOHD AZRAAI KASSIM
Naib Canselor

Dikelilingkan kepada:

*Ahli Majlis Eksekutif Universiti
Semua Penolong Naib Canselor
Semua Rektor UiTM Cawangan
Semua Dekan Fakulti
Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Penolong Rektor Kampus Negeri
Semua Staf UiTM*

Bil. Fail: 100-BITCOM (1/1)
No. Siri: 100-Uitm (NC 6/2) 31